

Pengurusan Kepimpinan Keusahawanan Melayu Dalam Movel
Ranjau Sepanjang Jalan
Malay Entrepreneurial Leadership Management In the novel of
Ranjau Sepanjang Jalan

Azhar Wahid
azhar@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Rudy Kurniawan Usman
eacs_sdnbhd@yahoo.com
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Rahmanyasin Jaafar
rahmanyasin.jaafar@gmail.com
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Received: 1 September 2023; Published: 30 December 2023

Cite this article (APA) as:

Wahid, A., Usman, R & Jaafar, R. (2023). Pengurusan Kepimpinan Keusahawanan Melayu Dalam Movel *Ranjau Sepanjang Jalan*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(2), 40 -53. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/180>

ABSTRAK

Keupayaan pengurusan *keimpinan dalam menerajui organisasi telah diterima sebagai suatu faktor yang boleh menentukan kejayaan dan kegagalan* bagi sesuatu organisasi berkenaan. Malah, *keimpinan merupakan suatu keperluan dalam membina kekuatan organisasi terutama dalam memimpin organisasi ke arah menuju dan mencapai matlamat yang ingin dicapai bersama dengan jayanya*. Kajian ini meneliti bentuk atau dasar pengurusan *keimpinan usahawan masyarakat tani yang terdapat dalam Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)*. Di samping mengenalpasti sikap pengurusan *keimpinan masyarakat tani yang terbina dalam Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)*. Penelitiannya dibuat dengan penganalisan terhadap elemen pengurusan *keimpinan yang terdapat dalam novel Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)* dan dikaitkan dengan kegiatan *usahawan tani dalam masyarakat Melayu*. Dapatan daripada kajian ini dirumuskan bahawa terdapat beberapa elemen dasar dan sifat *keimpinan yang terbentuk dalam diri pemimpin masyarakat yang ditunjukkan mempunyai keupayaan yang tersendiri dalam usaha menjayakan usahawan tani masyarakat Melayu tradisi*. Implikasinya, pengurusan *keimpinan Melayu khususnya berkait dengan keusahawanan yang ditonjolkan oleh pengarang dalam Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)* adalah lebih signifikan kepada kritikan dan seharusnya dapat menunjukkan corak *keimpinan yang digunakan oleh pemimpin pada masa kini*.

Kata Kunci: Pengurusan; Kepimpinan; Keusahawanan; Kemiskinan; Organisasi

ABSTRACT

The capability of leadership management in leading the organization has been accepted as a factor that can determine the success and failure of an organization. In fact, leadership is a necessity in building the strength of the organization, especially in leading the organization towards and achieving the goals to be achieved together with success. This study examines the form or policy of leadership management of agri-community entrepreneurs found in Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ). In addition, to identify the leadership management attitude of the farming community built in Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ). The research was done by analyzing the elements of leadership management found in the novel Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ) and associating it with the activities of agri-entrepreneurs in the Malay community. Findings from this study concluded that there are several policy elements and leadership traits that are formed in community leaders who are shown to have their own capabilities in the success of traditional Malay farmers. The implication is that Malay leadership management in particular in relation to entrepreneurship highlighted by the authors in Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ) is more significant to criticism and should be able to show the leadership patterns used by leaders today.

Keywords: Management; Leadership; Entrepreneurship; Poverty; Organizations

PENGENALAN

Pengurusan merupakan satu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal semua usaha ahli organisasi dan menggunakan sumber organisasi bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Pengurusan amat penting dalam memastikan segala proses gerak kerja yang dilakukan, pembentukan sesuatu perancangan bagi sesebuah organisasi dan segala tindakan yang bakal dilaksanakan dapat dijalankan secara teratur (Ramli, F. N. A., Wahid, A., & Ali, A. H. 2021:1).

Pengurusan yang efektif merupakan kunci kejayaan bagi sesebuah organisasi dalam mencapai matlamat atau objektifnya (Jaafar Muhammad, 2003). Walau apapun profesion yang diceburi termasuk penulis dan mengurus organisasi yang berhubung dengan kesusasteraan, pengurusan amat penting dipelajari. Di samping itu, penerapan ilmu pengurusan dalam kehidupan seharian adalah merupakan langkah asas bagi seseorang individu untuk mempunyai kehidupan yang teratur dan mencapai matlamat dalam kehidupan yang telah ditetapkan.

Justeru itu, pengurusan yang baik dapat membantu proses mencapai matlamat tersebut berjalan dengan lancar di samping mampu mengurangkan risiko untuk menghadapi masalah dalam gerak kerja yang dilakukan. Sama ada bagi seseorang individu atau sesebuah organisasi, kedua-duanya memerlukan kemahiran pengurusan yang efektif (Newton, R., 2017). Mereka merancang aktiviti yang ingin dilakukan, memikirkan sumber yang perlu dimiliki, memberikan pertolongan kepada orang lain dengan memberikan contoh atau panduan dan memastikan menyiapkan kerja pada masa yang ditetapkan. Manakala pemimpin pula secara umumnya berkaitan dengan kemampuan individu memegang peranan untuk mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Individu yang menjadi pemimpin sepatutnya berpersonaliti dan mempunyai tingkah laku yang mempunyai daya usaha dalam mempengaruhi persekitarannya iaitu pengikutnya serta bersedia ditegur atau dikritik. Pemimpin yang baik merupakan suatu keperluan dalam membina kekuatan organisasi terutama dalam memimpin organisasi. Hal ini penting kerana sifat kepimpinan ini mampu mengetuai organisasi ke arah mencapai matlamat yang ingin dicapai bersama.

Hakikatnya, pengurusan kepimpinan membawa banyak pengertian bergantung kepada kesesuaian dan keperluannya. Walaupun kepimpinan adalah sesuatu yang kompleks untuk ditakrifkan namun membawa kepada suatu persamaan dari segi konteksnya iaitu sebagai suatu proses, pengaruh, kerja sepasukan serta penentuan matlamat. Sebagai contoh pemimpin adalah individu yang mampu menentukan kriteria yang dipilih untuk tujuan pembangunan dan kejayaan di samping dapat mempertahankan corak kerja berpasukan dalam organisasi yang

dipimpinnya (Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan. 2017). Secara tidak langsung, hal ini memberi refleksi bahawa pemimpin adalah individu yang berkuasa, dinamik, boleh memerintah juga mampu mengurus dengan bijaksana dan cekap. Sehubungan itu, dalam kajian ini tujuan utamanya adalah mengenalpasti bentuk atau dasar pengurusan kepimpinan usahawan masyarakat tani yang terdapat dalam *Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)*. Kedua, mengenalpasti sikap pengurusan kepimpinan masyarakat tani yang terbina dalam *Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Tidak dapat dinafikan, kepentingan memiliki pemimpin yang baik dan efisien adalah asset bernilai bagi sesebuah organisasi. Pemimpin yang baik terserlah menerusi daya kepimpinan yang cekap dan karismatik. Secara umumnya, daya kepimpinan berkait rapat dengan individu yang memainkan peranan sebagai pemimpin. Manakala perkara yang diterjemahkan oleh tingkah laku, amalan dan perilaku pemimpin ini disebut sebagai kepimpinan. Kepimpinan merupakan suatu keperluan dalam membina kekuatan dalaman dan luaran organisasi. Hasil kepimpinan akan meneraju organisasi ke arah mencapai matlamat yang ingin dicapai bersama. Pemimpin dan kepimpinan secara umumnya mempunyai definisi umum yang bergantung kepada kesesuaian dan keperluannya.

Dalam konteks ini, peranan pemimpin agak sukar dan penuh dengan pelbagai tanggung jawab. Tahap kemahiran yang tinggi dan berwibawa sangatlah dituntut bagi menjadi pemimpin yang baik. Tidak semua orang memiliki kebolehan memimpin, malah pemimpin yang baik mampu menangani pelbagai isu dengan penuh kebijaksanaan agar manfaat dapat dirasakan hingga ke peringkat pekerja bawahan. Perkara ini kerap menjadi perbincangan pakar kepimpinan dan kebanyakannya memerihalkan pemimpin sebagai individu yang berperanan menjayakan organisasi. Secara praktikalnya, pemimpin adalah individu yang berkeupayaan dan bertanggung jawab mengubah haluan sesuatu organisasi. Kemampuan mengurus ini didasari oleh kriteria-kriteria tertentu dalam usaha mencapai objektif organisasi. Oleh yang demikian, pemimpin seharusnya berperanan sebagai pembimbing dan penggerak kepada para pekerjanya bagi mencapai matlamat organisasi. Malah, seseorang pemimpin perlulah bijak dalam membuat keputusan kerana sebarang keputusan yang dibuat mampu mempengaruhi pengurusan pentadbiran (Roselena Mansor & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2015). Perihal ini akan menjadi persoalan utama dalam mengenalpasti apakah dasar atau bentuk pengurusan kepimpinan usahawan masyarakat tani serta sikap kepimpinannya yang terdapat dalam *Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)*.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif dipilih kerana melalui pendekatan ini, penerangan terperinci akan dapat diperoleh (Creswell, 2007). Hal ini bersesuaian dan selari dengan objektif kajian yang memerlukan penyelidik melakukan kajian yang mendalam terhadap sesuatu isu. Secara tidak langsung, dalam kajian ini penyelidik akan mendapat maklumat yang mendalam sewaktu menganalisis (Creswell, 2007). Reka bentuk kajian bagi kajian ini ialah lebih tertumpu kepada kajian kepustakaan dan analisis teks secara koperasif. Kaedah kajian kepustakaan digunakan untuk mencari dan mengumpul maklumat berkaitan dengan pengurusan kepimpinan; kepimpinan keusahawanan; pemikiran pengarang berkaitan kepimpinan keusahawanan daripada buku, bab dalam buku, artikel, jurnal, prosiding, dan apa-apa sahaja maklumat bercetak ataupun digital yang membantu penulisan untuk menyokong dapatan kajian. Bahan-bahan tersebut adalah mengenai novel *Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)*, karya Shahnnon Ahmad yang ada hubungan dengan subjek yang dikaji. Menurut A. Halim Ali (1029) kajian kepustakaan adalah kajian yang menggunakan data-data sedia ada (documented) seperti odokumen bercetak, buku, manuskrip dan lain-lain.

Manakala analisis Teks merupakan instrumen utama yang diaplikasikan dalam mengumpulkan data-data, dan maklumat-maklumat yang diperlukan berasaskan kepada pengurusan kepimpinan usahawan yang terkandung dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ). Kaedah ini digunakan dengan membaca dan membuat analisis novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) bagi memperolehi makna yang terdapat dalam teks novel berasaskan konsep pengurusan kepimpinan usahawan. Manakala, merujuk kepada pengumpulan data, pengkaji menjalankan proses pembacaan berulang bagi mengenalpasti bahan yang terpilih dengan menyenaraikan bahan tersebut dalam bentuk jadual selanjutnya melalui proses pengekodan yang berkaitan dengan pengurusan kepimpinan usahawan dalam petikan teks *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengurusan kepimpinan Melayu khususnya berkait dengan keusahawanan yang terdapat dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) karya Shahnnon Ahmad dapat dijadikan suatu formula yang amat signifikan untuk membantu kelangsungan pengurusan kepimpinan keusahawanan Melayu pada masa kini. Watak-watak yang cuba diperkenalkan oleh pengarang membawa sifat kepimpinan yang ditunjukkan oleh pemimpin dalam mentadbir sesebuah organisasi. Malah, pengurusan kepimpinan yang ditonjolkan oleh pengarang lebih signifikan kepada kritikan dan seharusnya dapat menunjukkan corak kepimpinan yang digunakan oleh pemimpin pada masa kini.

Pelbagai persoalan yang diketengahkan oleh pengarang untuk menonjolkan dasar atau bentuk kepimpinan yang terkandung dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ). Gambaran persoalan kemiskinan material menjerut kehidupan masyarakat tradisi untuk meneruskan kelangsungan hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Desakan menikmati kehidupan yang lebih harmonis menganjukkan pemikiran masyarakat desa untuk memajukan sosio ekonomi keluarga dan masyarakat melalui fitrah alam. Kemiskinan yang berkonsepkan fitrah tentang rezeki menggagalkan aktualisasi Lahuma sebagai manusia ciptaan Allah. Lahuma sebagai kepimpinan keluarga alpa dengan jerih perih kehidupan sebagai pesawah leka dalam mengendahkan pandangan isterinya dalam usaha menjadi pemimpin masyarakat. *Ranjau Sepanjang Jalan* menjadi tunjang kepada survival kehidupan ekonomi masyarakat dalam era pengisian kemerdekaan.

Dasar Kepimpinan dalam Masyarakat Tani

Penghulu menjadi watak pemimpin yang diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad dalam menjalankan tanggungjawab menjadi ketua dalam kehidupan bermasyarakat. Kegagalan dalam kepimpinan membelenggu pembangunan sesebuah organisasi. Lantunan kegagalan kepimpinan ini sewajarnya menjadi iktibar kepada masyarakat untuk menjadi pemimpin yang berjaya menguruskan proses kepimpinan dalam masyarakat yang dipimpin.

Penonjolan watak Tuk Penghulu melalui kepengarangan Shahnnon Ahmad membawa kepada wujudnya lapisan hidup masyarakat sejak dahulu lagi. Golongan yang hidup dengan kekayaan material sentiasa menjadi cemburuan golongan masyarakat seperti Lahuma yang bergelut dengan kemiskinan mencari sesuap nasi untuk tujuh anak dan keluarganya. Bagi Lahuma, watak ketua keluarga yang menjadi pemimpin dalam keluarganya hanya bergantung kepada tulang empat keratnya demi menyara kehidupannya sekeluarga berbanding Tuk Penghulu yang mempunyai senjata teknologi dalam mengusahakan rezeki bersawah.

Namun, kemunculan watak Tuk Penghulu dalam penceritaan *RSJ* ini memaparkan unsur moral kepada masyarakat pembaca. Sebagai pemimpin masyarakat, Tuk Penghulu seharusnya mempamerkan kepimpinan yang bertanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan masyarakat yang dipimpinnya. Kegagalan kepimpinan Tuk Penghulu jelas ditunjukkan menerusi perbualan Jeha bersama suaminya, Lahuma. Perbualan Lahuma dan Jeha berkisar kepada cadangan Lahuma untuk meminta bantuan Tuk Penghulu menyewakan traktor bagi memajak tanah sawah menggantikan kederat usangnya. Namun, cadangan Lahuma ditentang keras oleh isterinya Jeha memandangkan Tuk Penghulu tidak pernah mengambil tahu kesusahan

hidupnya sekeluarga. Sehingga Lahuma ditimpa malang menyebabkan dia tidak lagi mampu membajak sawah dengan tenaga empat keratnya.

Jadual 1: Kegagalan Kepimpinan Tuk Penghulu Terhadap Masyarakat Kampung

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Traktor Tuk Penghulu itu mudah.Kita bayar sewanya bila padi masak.Lahuma mengaju pendapatnya pula	RSJb14-15ms55
Jeha	Tetapi Tuk Penghulu tidak akan beri sewa, tingkah Jeha yang mengetap bibir, tidak setuju dengan pendapat suaminya.	RSJb16-17ms55
Lahuma	Saya pernah menolongnya banyak kali	RSJb18ms655
Jeha	Tapi Tuk Penghulu tak pernah tolong kita	RSJb19ms55
Lahuma	Dia Tuk Penghulu	RSJb20ms55
Jeha	Pernah dia datang tengok kaki awak? Pernah dia tanya khabar kaki awak ni? Pernah dia tolong carikan ubat? Lihat kaki awak . Lihat!Bengkak sebesar kaki gajah. Jeha mendengus. Dia membuang pandang ke luar pintu rumah yang terbuka luas.	RSJb21-23ms55

Kesan daripada kesakitan yang dialami oleh Lahuma membuatkan Lahuma bertukar arah dengan mencadangkan kepada isterinya Jeha menggunakan traktor yang disewa daripada Tuk Penghulu meskipun tuk penghulu menggunakan traktornya hanya untuk kemudahan membajak sawahnya sahaja dan bukannya untuk sewaan. Lahuma turut mencadangkan kaedah pembayaran sewa akan dibuat setelah padinya dituai.

Kegagalan kepimpinan watak Tuk Penghulu dengan jelas dapat dilihat melalui cadangan Lahuma yang ditentang keras oleh Jeha. Jeha menentang keras memandangkan tuk penghulu tidak pernah mengambil berat perihal masyarakat kampung. Bahkan, ketika suaminya sakit juga, Tuk Penghulu tidak pernah datang bertandang ke rumahnya apatah lagi bertanya khabar tentang kesihatan suaminya, Lahuma selepas kejadian kakinya tertusuk duri rebung.

Bagaimanapun, kematian Lahuma membawa kesedaran kepada Tuk Penghulu untuk menjalankan amanah menjadi pemimpin yang lebih bertimbang rasa dan berjiwa masyarakat. Kehidupan melarat Jeha, janda Lahuma menjadi tumpuan Tuk Penghulu untuk membantu kederat wanita berjiwa perkasa itu untuk meneruskan tradisi suaminya bersawah padi.

Jadual 2: Sifat Menepati Janji Tuk Penghulu Terhadap Watak Jeha

Watak	Petikan Dialog	Kod
Tuk Penghulu	Dah habis menajak? Soal Tuk Penghulu, Matanya memandang Jeha yang nampak mempunyai minat	RSJb6ms66
Jeha	Belum lagi. Yang tajak pun batang menerung, belum	RSJb7ms66
Tuk Penghulu	Siapa menajak? Soal Penghulu	RSJb8ms66
Jeha	Sejak Lahuma merekot, sayalah bersama anak-anak	RSJb9ms66
Tuk Penghulu	Menggeleng	RSJb10ms66
	Biar aku hantar traktor ke sawah kau selama dua tiga hari. Semua tentu habis, Tuk Penghulu memberi cadangannya	RSJb11-12ms66

Ketenatan Lahuma membuatkan Tuk Penghulu mula mengambil tahu perihal hidup Jeha dan anak-anak dengan bertanyakan perihal sawah yang masih belum selesai ditajak oleh Jeha. Dengan adanya simpati Tuk Penghulu, pemimpin ini juga menjanjikan bantuan dengan menghantar traktornya bagi membantu Jeha membajak sawah pusaka 14 relung milik suaminya. Bukan hanya melihat kesusahan Jeha, Tok Penghulu juga terpenggil dengan budi baik Lahuma semasa hidupnya.

Jadual 3: Budi Lahuma Terhadap Watak Tuk Penghulu

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Tuk Penghulu tentu boleh tolong kita. Tiba-tiba Lahuma bersuara ditengah-tengah rintihannya. Kemudian menggigit bibirnya.	RSJb18-19ms54
	Saya pernah menolongnya beberapa kali. Kerbau kewehnya saya kepung hingga dapat. Jerat kerbaunya sudah banyak saya pintal dari rotan emas. Pagar semainya tahun sudah, saya yang memaku keliling. Kita mesti minta tolong Tuk Penghulu	RSJb22-24ms54
Jeha	Tolong apa? Soal Jeha pura-pura tidak tahu	RSJb28ms54
Lahuma	Habiskan bendang kita, jelas Lahuma sambil mengerut-ngerut kulit mukanya menahan kesakitan yang sedang menyerang kaki untut sebsar batang pinang itu	RSJb29-30ms54

Lahuma yang terlalu menghormatinya sebagai Tuk Penghulu pernah beberapa kali menolongnya menghambat dan menambat kerbaunya. Bahkan, Lahuma jugalah yang memaku pagar semainya setiap tahun tanpa meminta balasan. Sudah tiba masanya untuk dia menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemimpin yang gagal pada suatu ketika dahulu.

Kekuatan Pegangan Falsafah Hidup Lahuma Sebagai Pemimpin Keluarga dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Lahuma sebagai seorang ketua keluarga memainkan peranan sebagai pemimpin yang berani membuat keputusan. Kekuatan mental dan fizikal yang ada pada kepimpinan Lahuma membawa watak ini membimbing Jeha dan anak-anaknya mengharungi kehidupan yang disaluti kemelut kemiskinan. Bersawah bendang yang berhadapan dengan risiko serangan binatang, dan bencana alam menguatkan lagi semangat Lahuma untuk mengekalkan tradisi bersawah yang diwarisi sejak turun temurun tanpa kuasa jentera teknologi. Bagi Lahuma, suntikan semangat dan kegigihan tenaganya selama ini berjaya menyuap mulut ahli keluarganya dengan sesuap nasi.

Berbekalkan tanah sawah pusaka peninggalan ibu bapanya sebanyak 14 relung, Lahuma mengatur perancangan untuk menanam beberapa jenis padi untuk keluarganya. Setiap jenis padi yang dipilih mempunyai keistimewaaannya yang tersendiri termasuklah benih pulut yang ditanam untuk dijamah oleh anak-anaknya sebelum ke sekolah. Pada tanggapan Lahuma, dengan memakan pulut anak-anaknya akan sentiasa kenyang untuk belajar.

Jadual 4: Lahuma Bijak Membuat Keputusan

Watak	Petikan Dialog	Kod
Jeha	Nak tanam Malinja kesemua 14 relung tu?	RSJb31ms7
Lahuma	Kita campur-campur, apa nak digaduhkan?Tujuh Malinja. Tiga Siam.Tiga Serindit dan serelung lagi	RSJb1-3ms8

	tu kita tanam pulut saja. Budak-budak kita ni suka sangat makan pulut waktu pagi sebelum pergi sekolah. Makan pulut ni kenyang lama.	
--	--	--

Bahkan sebagai pemimpin keluarga, Lahuma menunjukkan teladan yang baik kepada isterinya, Jeha. Meskipun, Jeha menyatakan pandangan buruk mengenai Tuk Penghulu tetapi Lahuma tetap menghormati Tuk Penghulu sebagai ketua masyarakat. Malahan, ketika dia terlantar sakit juga dia tidak menyalahkan masyarakat kampung termasuk Tuk Penghulu yang tidak pernah datang melawatnya di rumah. Lahuma bersangka baik dengan menyatakan semua orang sibuk menguruskan hasil tanaman masing-masing yang bergelut dengan serangan ketam dan tiak kecuali kematian sahaja yang akan mengundang ramai tetamu.

Jadual 5: Sikap Positif Lahuma Terhadap Tuk Penghulu Dan Orang Kampung

Watak	Petikan Dialog	Kod
Jeha	Tapi Tuk Penghulu tak pernah tolong kita	RSJb19ms55
Lahuma	Dia Tuk Penghulu	RSJb20ms55
	Lahuma terkenangkan kakinya selama ini. Dia tidak menyalahkan sesiapa. Ali Ketopi, Long Kadim dan lain-lain tidak disalahkan. Penduduk-penduduk Kampung Banggul Derdap semakin sibuk dengan bendang masing-masing.	RSJ24-26ms55
	Yang orang lelaki sibuk menajak, mencangkul, menenggala. Mereka memang sibuk. Masing-masing cuba hendak merebut masa. Takut terlewat. Orang tidak rela padi digigit ketam. Orang tidak suka padi mereka dijamah tiak. Banjir akan menerpa kalau salah musim. Hampalah padi-padi itu kalau terlewat. Lahuma boleh menyerang dan meraung sekuat tenaga.	RSJb28-30ms55
	Jiran-jiran tidak ada masa untuk semua itu. Cuma kalau mati saja mereka tidak dapat elakkan. Tepati mati Cuma sekali saja bagi manusia. Bisik hati kecil Lahuma. Bagaimana kalau dia mati? Tuk Penghulu tentu meninggalkan traktorya. Ali Ketopi tentu datang membawa papan. Long Kadim dan isterinya tentu mengoyak kain kafan. Mereka datang bertimpatimpa. Mereka datang mengorek kubur. Mengetam papan. Memandikan jenazah. Mengusung mayat. Sembahyangkan jenazah.	RSJb31-35ms55

Bagi Lahuma, apabila tiba masa kematiannya ramai jiran tetangga akan memenuhi ruang rumahnya. Sangkaan baiknya, Tuk Penghulu akan meninggalkan pekerjaan bersama traktornya, Ali Ketopi akan datang membawa papan untuk diketam, Long Kadim dan isterinya akan datang mengoyakkan kain kafan tubuhnya malah ada juga yang akan mengorek kubur, mengetam papan, memandikan jenazah, mengusung dan menyembahyangkan tubuhnya yang sudah kaku.

Kepimpinan Lahuma Sebagai Lambang Kegigihan Hidup Manusiawi dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Dalam proses mengerjakan tanah sawah pusaka peninggalan ibu bapanya, lahuma bergelut dengan serangan musuh dan bencana alam yang menggila. Kemiskinan hidup yang menghujani keluarga ini menyerlahkan kekentalan jiwa Lahuma dalam membesarkan anak-anak dan

mencari sesuap nasi untuk keluarganya. Kegilaan Lahuma mengusahakan tanah sawah tanpa adanya teknologi membawa Lahuma ke arah kegigihan hidupnya sebagai manusia yang sarat dengan kemiskinan material. Bagi Lahuma, padi, beras dan nasi adalah penyambung kelangsungan hidup dia dan keluarganya di dunia. Atas sebab itu, dia sangat menghormati pandangan Jeha selaku orang yang sering berdamping susah senang bersamanya sejak bertahun lamanya sebagai isteri.

Jadual 6: Sikap Toleransi Lahuma Sebagai Ketua Keluarga

Watak	Petikan Dialog	Kod
Jeha	Benih apa? Benih padi usang? Benih padi Serindit? Jangan-jangan nak tanam padi Serindit juga tahun ini. Tangkainya liat. Buahnya jarang-jarang. Saya yang teruk bila musim mengetam nanti. Musim sudah habis, luka luka tapak tangan saya ni bang	RSJb32-34ms3-4
Lahuma	Tetapi nasinya sedap. Buahnya wangi macam padi huma	RSJb1ms4
Jeha	Awak tak kira lain dalam dunia ni. Sekejap-sekejap sedap. Sekejap-sekejap wangi	RSJb4ms4
Lahuma	Kita cuba padi Malinja pula tahun ini	RSJb22ms7
	Banyak orang di kampung ini nak tanam padi Malinja. Kata mereka, buahnya montok-montok dan gemok-gemok.	RSJb27-28ms7

Mendengarkan keluhan Jeha, Lahuma bercadang untuk menanam padi malinja menggantikan benih padi yang menjadi rungutan isterinya pada musim yang lalu. Berpandukan kepada cakap-cakap orang kampung, Lahuma memutuskan menanam padi malinja sebanyak tujuh relung disebabkan oleh buahnya yang gemuk dan montok. Ditambah pula, padi tersebut menjadi pilihan orang kampung untuk ditanam pada musim ini.

Jadual 7: Tanggungjawab Lahuma Sebagai Bapa Kepada Anak-Anaknya Dan Hasil Pendapatan Keluarga

Watak	Petikan Dialog	Kod
Jeha	Nak tanam Malinja kesemua 14 relung tu?	RSJb31ms7
Lahuma	Kita campur-campur, apa nak digaduhkan? Tujuh Malinja. Tiga Siam. Tiga Serindit dan serelung lagi tu kita tanam pulut saja. Budak-budak kita ni suka sangat makan pulut waktu pagi sebelum pergi sekolah. Makan pulut ni kenyang lama.	RSJb1-3ms8

Bukan itu sahaja, baki lagi tujuh relung ditanam pula padi siam, serindit dan pulut untuk anak-anaknya makan pada waktu pagi sebelum ke sekolah. Bagi Lahuma, meskipun berhadapan dengan perjuangan yang tidak pernah kendur dengan kesusahan dan kepayahan, watak ini sangat mempercayai rezeki yang diberikan oleh Allah kepada semua makhluk yang hidup di atas muka bumi ini.

Meskipun bencana menimpa kakinya yang tertusuk duri nibung, Lahuma tetap cekal untuk turun ke sawah bersama anak-anaknya. Lahuma sentiasa berpegang kepada kuasa Allah yang sentiasa berada di sisinya. Mana mungkin duri nibung yang kecil dapat mencabut nyawanya selagi adanya Allah yang maha mengetahui.

Jadual 8: Kecekalan Lahuma Sebagai Makhluq Allah

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Lahuma cukup percaya, ALLAH tidak akan mencabut nyawanya semata-mata kerana duri nibung yang seinci panjangnya. DIA sedar tentang jumlah anaknya. Tujuh orang semuanya. Mereka perlu makanan. Dan padilah makanan Lahuma turun-temurun. Dengan ingatan seumpama itu, Lahuma menahan sakitnya. Biar bisanya melarat ke mana dia suka. DIA tentu berada di samping-nya. Kalau perlu, lahuma akan turun juga ke sawah dalam keadaan begitu. Sakit boleh ditahan asalkan ALLAH berada disamping.	RSJb15-19ms47

Sikap Lahuma yang menunjukkan pengorbanan besar kepada ahli keluarganya sangat disanjung oleh Jeha dan anak-anaknya. Jeha sanggup meneruskan perjuangan Lahuma yang bertarung dengan serangan binatang dan kegilaan bencana alam setelah kematian suaminya yang tewas dek kerana seinci duri nibung walaupun tanpa pertolongan traktor Tuk Penghulu.

Selanjutnya, kepimpinan Lahuma menunjukkan sikap tanggungjawabnya kepada keluarganya terutamanya isterinya, Jeha. Dengan adanya tanggungjawab, sifat ini menjadikan manusia sedar untuk menjaga tingkah laku dan perbuatan supaya menjadi ikutan anak-anak yang dipimpin. Sikap tegas Lahuma sebagai ketua keluarga mendorong Jeha menuruti cadangan yang diajukan oleh suaminya Lahuma meskipun kerap kali menyuarakan bantahan.

Jadual 9: Ketegasan Lahuma Sebagai Ketua Keluarga

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Tuk Penghulu tentu boleh tolong kita	RSJb18ms54
Jeha	Tetapi saya boleh habiskan, bantah Jeha sungguh-sungguh	RSJb31ms54
Lahuma	Kita kena minta tolong Tuk Penghulu juga	RSJb8ms56
Jeha	Aku nak tajak sampai habis, balas Jeha dengan berani	RSJb11ms56

Kematian Lahuma menyedarkan Jeha untuk memikul peralihan tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Hasil asuhan Lahuma, Jeha bertindak menerima pertolongan Tuk Penghulu untuk membajak tanah sawah suaminya dengan menggunakan traktor secara percuma tanpa sebarang bayaran sewaan.

Kekuatan Kepimpinan Wanita dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Watak Jeha merupakan watak perempuan kampung yang hidup bergelut dengan kemiskinan hidup. Jeha yang bersuamikan Lahuma, tidak putus-putus menerima dugaan dan cabaran demi mencari sesuap nasi untuk keluarga tercinta tanpa bergantung dengan kuasa teknologi. Watak Jeha ini diberi gambaran oleh pengarang akan keupayaan dan kekuatan kepimpinan wanita yang tersendiri.

Jadual 10: Keyakinan Lahuma Terhadap Isterinya Jeha Sebagai Penyambung Ketua Keluarga

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Namun, baginya Jeha bukan saja seorang isteri dan seorang ibu kepada tujuh orang anaknya malah Jeha juga seorang petani yang tahu harga bendang. Jeha tahu tentang nasi yang menyabung nyawa seluruh keluarganya.	RSJb15-17ms56
	Sudah beberapa tahun Jeha menajak. Lahuma memberi keyakinan kepada isterinya. Dia teringat bagaimana dia menangkap kepala ular senduk dibelakang belukar tempoh hari. Tidak ada Jeha beerti tang kanannya patah. Kalau dia mati, Jeha akan menjadi janda; janda anak tujuh. Dan ketujuh-tujuh anak adalah perempuan. Bendang itu mesti dijaga. Anak tujuh orang mesti dijaga. Lahuma hanya menyerahkan segala-galanya kepada Jeha. Jeha boleh menyiapkan bekas semai. Jeha boleh membuat segala-galanya.	RSJb18-23ms56

Meskipun, Lahuma percaya dengan kemampuan isterinya Jeha untuk menyambung tugasnya sebagai ketua keluarga menguruskan bendang pusaka 14 relungnya namun Lahuma tetap mencadangkan Jeha untuk dibantu dengan traktor Tuk Penghulu. Bagi Lahuma, tenaga kelakian tulang empat keratnya tidak menyamai tenaga Jeha sebagai seorang perempuan lebih-pebih lagi dengan bantuan anak-anaknya yang juga bertenaga perempuan untuk membajak tanah sawah.

Hasil didikan kepimpinan Lahuma, Jeha bukan sahaja mengetahui harga bendang malah Jeha juga mengetahui tentang jenis benih padi yang patut ditanam bagi mendapatkan hasil yang banyak. Jeha juga dapat mengulas kualiti padi yang biasa ditanam oleh Lahuma, suaminya iaitu padi Serindit. Malah, setelah kematian Lahuma, Jeha bertekad untuk meneruskan perjuangan suaminya, Lahuma untuk mengerjakan sawah itu bersama-sama anak-anaknya. Jeha juga akan melawan ketam dan tiak yang bakal menyerang dengan adanya tenaga Lahuma dalam dirinya. Kekuatan kepimpinan Jeha turut menunjukkan perkembangan yang baik dalam diri anak-anaknya Sanah dan Milah. Jika semasa Lahuma masih hidup, anak-anaknya ketakutan dengan buruan lintah tetapi kini Sanah dan Milah sudah tidak memperdulikan lagi dengan ketakutan baruh dan lintah.

Jadual 11: Pengetahuan Watak Jeha Dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Watak	Petikan Dialog	Kod
Jeha	Benih apa? Benih padi usang? Benih padi Serindit? Jangan-jangan nak tanam padi Serindit juga tahun ini. Tangkainya liat. Buahnya jarang-jarang. Saya yang teruk bila musim mengetam nanti. Musim sudah habis, luka luka tapak tangan saya ni bang	RSJb32-34ms3-4

Petikan dialog ini turut menunjukkan Jeha mampu mengulas jenis padi serindit yang tangkainya liat dan berbuah jarang. Disebabkan tangkai padi itu liat, tapak tangan Jeha sentiasa luka ketika musim mengetam padi walaupun suaminya Lahuma menyatakan padi ini sedap dan berbau wangi. Selain itu, Jeha juga boleh berbual dengan suaminya Lahuma tentang harga secupak padi Malinja jika jenis padi itu menjadi pilihan suaminya untuk ditanam pada tahun ini. Dengan penuh minat Jeha mendengar penerangan suaminya memandangkan bendang itulah sumber rezeki buatnya sekeluarga.

Jadual 12: Perbualan Jeha Dan Lahuma Tentang Harga Secupak Padi

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Banyak orang di kampung ini nak tanam padi Malinja. Kata mereka, buahnya montok-montok dan gemuk-gemuk, sambung Lahuma.	RSJb27-28ms7
Jeha	Secupak berapa? Tanya jeha , nampak berminat.	RSJb29ms7

Bukan itu sahaja, Jeha juga mengenali musuh terhadap tanaman bendangnya. Serangan ketam, tiak, ular tedung yang digernui serta bencana alam seperti banjir dan kemarau sudah menjadi permainannya setiap kali tiba musim menyemai padi. Berbekalkan kekuatannya sebagai isteri kepada pesawah seperti suaminya, Jeha menjadi kekuatan dan tulang belakang suaminya. Sebagai contohnya, ketika perbualan Lahuma bersama Jeha yang membincangkan tentang serangan ketam, Jeha dengan bersungguh menyedapkan hati suaminya tentang keberadaanya untuk membantu suaminya menyulam padi yang tumbang.

Jadual 13: Kekuatan Watak Jeha Dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Kalau tahun ini juga ketam mengamuk, habislah rezeki kita. Lahuma menarik nafas dalam-dalam. Kemudian dihelat perlahan-lahan	RSJb12-13ms8
Jeha	Kalau anak padi tumbang kerana ketam, boleh juga saya sulam	RSJb19ms8
Lahuma	Habiskan bendang kita, jelas Lahuma sambil mengerut-ngerut kulit mukanya menahan kesakitan yang sedang menyerang kaki untut sebesar batang pinag itu	RSJb29-30ms54
Jeha	Tetapi saya boleh habiskan	RSJb31ms54
Lahuma	Tapi bendang kita akan terlewat. Suara Lahuma bertambah tinggi	RSJb3ms55
	Saya ada, balas Jeha bersungguh-sungguh	RSJb4ms55
	Saya ada. Sanah ada. Milah ada, Jeha masih mempertahankan pendiriannya	RSJb6ms55

Bahkan, Jeha turut menolak cadangan Lahuma untuk meminta bantuan Tuk Penghulu menyewa traktor membajak sawahnya yang berjumlah 14 hektar bagi menggantikan tenaga lelaki yang sudah tumpas dek duri rebung. Bagi Jeha, semangatnya untuk meneruskan tradisi bertani secara tradisi yang diwarisi daripada suaminya berkobar-kobar. Jeha yakin dia dapat menyiapkan bendang itu dengan semangat yang ada dalam diri Lahuma bukannya meminta pertolongan daripada orang yang tidak pernah membalas budi suaminya.

Bagi Jeha, Lahuma suaminya mahu atau tidak mahu perlu menyerahkan tanggungjawabnya dan kepercayaannya kepada dirinya. Jeha bersungguh untuk menhabiskan kerja-kerja dibendang. Ketegasan Jeha sepatutnya membuka peluang keyakinan Lahuma untuk dia menajak, mencabut semai, menanam semai dengan bantuan anak-anaknya Sanah dan Milah. Baginya, kekuatan tenaga perempuannya amat diperlukan bagi menggantikan tenaga Lahuma yang kita tinggal di hujung tanduk.

Jeha bukan menolak pertolongan orang lain menguruskan bendang pusaka suaminya tetapi Jeha mengimbas kembali pertolongan suaminya Lahuma terhadap Tuk Penghulu. Bagi Jeha, pertolongan ikhlas suaminya mengepung dan menambat kerbau tidak pernah dibalas oleh

Tuk Penghulu. Perbalahan Lahuma dengan isterinya Jeha menunjukkan berlakunya perbalahan bagi kedua-dua watak suami isteri ini.

Jadual 14: Perbalahan Lahuma Dan Jeha Tentang Pertolongan Tuk Penghulu

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Saya pernah menolongnya beberapa kali. Kerbau kewehnya saya kepung hingga dapat. Jerat kerbaunya sudah banyak saya pintal dari rotan emas. Pagar semainya tahun sudah, saya yang memaku keliling. Kita mesti minta tolong Tuk Penghulu	RSJb22-24ms54
Jeha	Tolong apa? Soal Jeha pura-pura tidak tahu	RSJb28ms54

Jeha terlalu marah apabila Lahuma mengeluarkan cadangan untuk meminta pertolongan Tuk Penghulu dengan menyewa traktornya. Cadangan Lahuma, sewaan dibayar setelah habis musim menuai kelak. Lahuma yakin bahawa Tuk Penghulu akan membantunya atas alasan Lahuma selalu menolong Tuk Penghulu meskipun dia tidak pernah mengharap balasan. Lahuma juga akan membayar sewaan dan bukannya meminta bantuan secara percuma. Lahuma tidak sanggup melihat Jeha isterinya mengerah tenaga tulang empat keratnya sebagai perempuan yang tidak sama dengan kedratnya meskipun dia meyakini kesungguhan Jeha.

Di samping itu, kehebatan kepimpinan Jeha ini juga jelas dilihat menerusi pendampingannya terhadap si suami. Meskipun Lahuma sudah meninggal dunia, Jeha tetap meneruskan tradisi bersawah suaminya. Bagi Jeha, dia harus bekerja keras membanting tulang untuk mencari makanan bagi anak-anaknya bahkan dia tetap akan meneruskan perjuangan suaminya melawan serangan binatang dan bencana alam demi meneruskan kelangsungan hidupnya dan anak-anak.

RUMUSAN

Lantunan sikap pemimpin yang ditonjolkan oleh kepengarangan Shahnnon Ahamad memperlihatkan kewujudan pertimbangan dalam pemikiran pemimpin ketika berlakunya proses memimpin. Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) ini memperlihatkan kejayaan dan kegagalan kepimpinan dalam sesebuah organisasi bergantung kepada ciri-ciri kepimpinan sama ada positif mahupun sebaliknya. Seseorang pemimpin yang baik akan merencanakan kejayaan bagi sesuatu yang sedang dan bakal diusahakan. Pemimpin yang berjaya membolehkan orang yang dipimpin meneruskan perjuangan melalui kuasa kepimpinan yang terapkan dalam proses memimpin. Dalam konteks ini, pemimpin sememangnya sebagai faktor penting yang menerajui organisasi bagi menuju wawasan, matlamat dan objektif yang ditetapkan ke arah menentukan kejayaan dan kegagalan organisasi berkenaan. Pembangunan mental dan perubahan sikap orang yang dipimpin juga menunjukkan gagal majunya sesebuah kepimpinan. Namun, pengurusan kepimpinan Melayu khususnya berkaitan dengan keusahawanan yang ditonjolkan oleh Shahnnon Ahmad dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) adalah lebih signifikan kepada kritikan dan seharusnya dapat menunjukkan corak kepimpinan yang digunakan oleh pemimpin pada masa kini, terutama ke arah kelangsungan kejayaan pengurusan kepimpinan keusahawanan masyarakat Melayu tani.

RUJUKAN

- A Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- Abdul HalimAli (2003) *Bingkisan Sastera*. Selayang Baru: Diwangsa Publication & Distributors.
- Abdul Halim Ali, Azhar Wahid, Julita Norjieta, Azman Ismail, Rohayati Jumaidi, Nur Faaizah Adam, Roslan Chin, Miftachul Huda. (2021). *Understanding History And Development On Literature Theory in Malaysia*. *Linguistica Antveroiensia*. Issue-2, www.hirt.be. 2296-2319.
- Azhar Hj. Wahid. (2015). *Kritikan intelektualisme sastera melayu*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Azhar Wahid, Nordiana Hamzah, Norazimah Zakaria. (2020). The Pedagogical and Knowledge Method Analysis of Teacher's Teaching Materials in Teaching and Learning of Malay Literature. *TEST Engineering & Mahagement*. Vol.83.Publication Issue: March-April, pg 1568-1576.
- Creswell.J.W.2007. *Research Design, Qualitative, Quantitative and Mix Methods Approaches*. Thousand Oaks. CA: Sage.
- Jaafar Muhamad. (2003). *Asas Pengurusan*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan. (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Dlm *Journal of Business and Social Development*, Volume 5 Number 1, March 2017: 123-139.
- Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul. (2003). *Pengurusan Organisasi*. Edisi Kedua. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Newton, R. (2017). *Buku pengurusan*. (Suziana Abd. Aziz, Penterjemah). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia. (1964).
- Ramli, F. N. A., Wahid, A., & Ali, A. H. (2021). Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 33 - 48. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/141>
- Roselena Mansor, Mohd Izham Mohd Hamzah (2015). Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan. *Jurnal Pengurusan*, 45, 143 – 154.
- Shahnon Ahmad. (2006). *Ranjau sepanjang jalan*. Selangor: Alaf Dua Puluh Satu Sendirian Berhad.